

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, MERANGKAP
PENGERUSI BARISAN NASIONAL
DI PEMBUKAAN MAJLIS MERESMIKAN
PERHIMPUNAN AGUNG KONGRES INDIA
MALAYSIA (MIC) DI DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA, PADA 31HB JULAI,
1976, JAM 9.30 PAGI.

Yang Berhormat Tan Sri Manickavasagam,
 Presiden MIC,

Y.A.B. Dr. Mahathir,

Y. B. yang Dipertua Dewan Negara, Y. B. Menteri & Timbalan Menteri
 Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat MIC, *Ketua Parti Dalam*
Barisan Nasional

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Tuan-tuan sekalian.

Tahun ini ialah kali pertama saya
 menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan ^{MIC.} ~~Kongres~~
~~India Malaysia~~ atau MIC. Oleh yang demikian,
 saya mengucapkan terimakasih atas jemputan
 saudara sekalian menghadiri Perhimpunan Agung
 yang ke 24^{ini,} serta peluang bertemu dengan
 pemimpin MIC dari dekat, dan seterusnya atas
 penghormatan meresmikan Perhimpunan Agung ini.

2. Perhimpunan Agung ini, seperti juga dengan perhimpunan parti-parti politik yang lain, tentulah mempunyai erti yang besar dalam sejarah MIC, kerana di samping menghadapi serta membincangkan issue-issue politik dan sosio-ekonomi, ia juga diadakan sempena memperingati 30 tahun lahirnya pertubuhan MIC.

3. Dalam hubungan ini, saya inginlah mengucapkan tahniah kepada seluruh pemimpin MIC dari semua peringkat kerana mengadakan Perhimpunan, dan atas merayakan 'Harijadi'nya itu. Sehubungan dengan itu, izinkan saya membuat sedikit sebanyak perbandingan, kerana secara kebetulan, UMNO telah merayakan hari ulangtahunnya yang ke 30 dalam bulan Mei dulu. Saya masih ingat lagi MIC adalah diantara parti politik yang lahir di dalam tahun 1946, di tengah-tengah arus gelombang nasionalisma untuk memperjuangkan cita-cita kebangsaan dan kemerdekaan tanah air kita.

4. Sungguhpun pada hakikatnya MIC ditegakkan oleh orang-orang India di bawah pimpinan ^{Encik} Mr. John Thivy, dan memperjuangkan hasrat rakyat keturunan India di Malaysia, tetapi saya bangga kerana MIC dalam perkembangannya, telah berubah wajah, mempunyai corak kebangsaan yang turut memperjuangkan cita-cita negara. ~~Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia ini.~~

5. Saya juga masih ingat bagaimana MIC, ketika ia mula ditubuhkan dulu telah bangun berdiri bersama-sama dengan parti politik yang lain, memperjuangkan semangat rakyat pada waktu itu, yang mula melahirkan azam bebas dari penjajahan.

Oleh yang demikian, MIC telah menggabungkan
~~Sungguhpun MIC telah menghampirkan diri~~
dirinya mula dengan UMNO dan MCA dalam
~~dengan Malay Nationalist Party, dengan~~
Perikatan.
~~slogan Anti-British dan Anti-Colonialist,~~
~~ia kemudiannya telah menggabungkan diri~~
~~dengan UMNO bersama-sama dalam Perikatan~~
~~dengan MCA.~~

menggabungkan kekuatannya

6. Dalam peringkat itulah, MIC telah dapat

dan bersama-sama dengan rakan² ~~Perikatan~~ ^{*nya*} — MMNO

dan MCA — telah turut dalam perjuangan

untuk self-government dan kemudiannya

kemerdekaan. ~~MIC telah dapat menggabungkan~~

~~kekuatannya menuju cita-cita kebangsaan~~

~~untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.~~

Pada ^{*masa*} ~~hari~~ ini pula, MIC merupakan satu ^{*daipada*} komponen

Barisan Nasional yang setaraf dengan parti-

parti lain, dan berazam pada memelihara dan

mengekalkan kedaulatan serta keutuhan negara

Malaysia kita ini. Intisari dari perjuangan

MIC itu, akan dapat kita saksikan dari pamiran

yang ~~sedang~~ diadakan itu.

7. Sebagai parti yang telah membuktikan kesetiaannya di masa lepas, saya mempunyai *yang berjaksana* keyakinan penuh, di bawah pimpinan dinamis Tan Sri Manickavasagam, MIC sekarang dan juga pada masa akan datang, akan terus bersama-sama, berganding bahu, untuk ~~terus~~ memperjuangkan cita-cita rakyat Malaysia, dalam semua aspek dan semua lapangan. Saya ^{yakin} ~~tahu~~ bahawa MIC akan terus kekal menjadi rakan seperjuangan kita, ~~Kita mahu dan~~ ~~saya yakin/kita~~ ^{dan} bersama² berusaha untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bahagia, adil dan makmur, menurut Dasar Ekonomi Baru dan sejajar dengan Rukunegara.

daripada

Saudara sekalian,

8. Saya ~~amat sukacita dan~~ berterimakasih dengan semangat serta pendirian MIC, yang telah memberikan sokongan dan kepercayaan kepada saya, bagi memimpin Kerajaan dan juga Parti Barisan Nasional, berikutan dengan berpulangnya Allahyarham Tun Razak. Ikrar dan kepercayaan MIC ini, sangatlah saya hargai, kerana dalam pergolakan politik negara yang berjalan sekarang, dengan adanya sebuah pertubuhan yang mewakili satu bahagian daripada masyarakat di negara ini, telah memberikan keyakinan atas pimpinan Kerajaan itu, tidak syak lagi ia akan ^{lebih} memperkukuhkan kedudukan Kerajaan. Saya tidak ~~pernah~~ merasa ^{teragu} ~~bimbang~~ dengan sikap MIC, kerana ia tetap berada dalam Kerajaan, serta akan sentiasa memberikan sokongan dan sumbangannya pada setiap masa.

9. Ketika mengadakan Perhimpunan Agung dan memperingati MIC, yang genap berusia 30 tahun, wajarlah kita juga mengenangkan akan peranan serta pengorbanan, yang telah diberikan oleh para pemimpinnya di masa yang lepas. Saya tahu bahawa ikatan dan hubungan antara MIC ^{dengan} ~~dan~~ Allahyarham Tun Razak sangatlah rapat dan erat. Saya berharap hubungan, ikatan dan persefahaman yang sama, akan dapat diteruskan diantara MIC dan saya sendiri.

10. Demikian juga, saya dapat merasakan bagaimana sedihnya ahli dan pemimpin MIC atas kehilangan pemimpin yang mereka sanjung,

iaitu mendiang Tan Sri Datuk Athi Nahappan. Kehilangannya adalah satu perkara yang sukar dicari ganti. Sekalipun demikian, saya yakin dengan latihan kepimpinan yang disediakan oleh MIC, pada ahli-ahlinya, tiap-tiap yang hilang itu akan tetap berganti. Demikian juga, saya inginlah menyatakan rasa sedih atas kehilangan beberapa orang pemimpin MIC peringkat negeri dan cawangan.

Saudara-saudara sekalian,

11. Dalam Perhimpunan Agung UMNO ~~Malaysia~~ baru-baru ini, saya telah menghuraikan secara renqkas, beberapa issue yang sedang kita hadapi

pada masa ini. Demikian juga, saya telah menggariskan tugas-tugas dan peranan tiap-tiap kita, sebagai ahli parti dan ahli komponen Barisan Nasional, untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk mengatasi masalah yang sedang berbangkit ini, saya telah menyeru ^{kepada} ~~supaya~~ setiap ahli dari parti dalam Barisan Nasional, supaya sentiasa berusaha dan menguatkan perpaduan dalam parti. Saya telah menyentuh secara khusus peranan wakil rakyat, yang saya harapkan sentiasa berdamping dengan rakyat, untuk memberi pimpinan dan mengetahui masalah yang dihadapi oleh mereka, pada setiap masa. Kekuatan parti kita bergantung sebahagian besarnya, atas keupayaan kita mengatasi masalah rakyat itu.

12. Sebagai ketua Barisan Nasional, saya inginlah menegaskan adalah menjadi tugas dan kewajipan setiap parti dalam Barisan, untuk

sentiasa memelihara akan perpaduan itu, supaya

Barisan Nasional ~~adalah tetap kukuh dan kuat.~~ *terus kukuh, kuat dan disokong serta dipercayai oleh rakyat.*

Sekiranya terdapat mana-mana parti dalam

~~gabungan Barisan~~ *nasional* itu mengalami ~~kelemahan~~ *perpecahan, maka* sudah

tentulah akan membawa ~~perpecahan dan kelemahan~~

kepada seluruh Barisan nasional pula. Akibatnya ialah akan membawa

~~pula. Akibatnya, akan melemahkan kedudukan~~

~~Barisan Nasional, iaitu teras kekuatan politik~~ *kepada kesukaran dan instabiliti keadaan politik di negara kita ini.*

~~seluruh negara kita.~~

13. ~~Dalam hal MIC ini, saya bangga~~ *mengetahui* bahawa

~~semenjak diadakan reorganisation parti tersebut~~ *dalam beberapa tahun ini, kemajuan dan perpaduan*

MIC adalah sangat ternyata.

~~dua tahun yang lalu, kemajuannya sangat~~

~~ternyata.~~ Seperti yang disebutkan oleh

Presiden tadi, ~~saya berbangga mendengar yang~~

MIC sekarang sudah mempunyai lebih 450 cawangan,

dengan bilangan ahlinya ^{sebanyak} 125 ribu. ~~Hakikat~~

~~kenyataan semasa ini mengenai MIC, dan bergitu~~

~~ini tentulah dapat memperkukuhkan Barisan~~

~~juga keadaannya berkenaan dengan parti-parti yang lain~~

~~Nasional kita. Sekalipun demikian, pada masa~~

~~memperkuatkan lagi kepercayaan rakyat kepada Barisan Nasional. Sungguhpun demikian,~~

~~pada masa~~ ini, musuh-musuh negara, khasnya pengganas

Komunis dan anasir subversif, adalah sentiasa

cuba sedaya upaya, memecahkan perpaduan parti

dan perpaduan dalam Barisan Nasional, dengan

mengunakan beberapa issue, seperti perkauman,

penderitaan rakyat dan perbezaan antara tumpuan

usaha Kerajaan. Saya percaya, setiap ahli MIC

khasnya, dan ahli-ahli parti dalam Barisan Nasional

amnya, sedar akan ancaman dan tipu helah ~~komunis dan~~

anasir anti-nasional ini. ~~Di samping itu, setiap kita jangan pula menjadi alat atau diperalatkan secara tidak langsung oleh pengganas dan anasir jahat dengan menimbulkan issue yang popular yang boleh menarik perhatian orang ramai, khasnya kaum India sendiri.~~

14. Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan mewujudkan perpaduan untuk keselamatan negara. ~~Saya tahu bahkan Kerajaan juga~~ sedar matalamat Rancangan Malaysia Ketiga ini, bukanlah mudah dan senang dicapai. Masalah yang kita hadapi, ~~juga~~ bukanlah perkara yang kecil, tetapi memerlukan

perhatian dan pertimbangan yang besar daripada semua rakyat. Tidaklah siapa menafikan bahawa kemiskinan, bukanlah hanya wujud di kalangan orang Melayu, tetapi juga di kalangan kaum-kaum yang lain, termasuk kaum India. Di bawah Rancangan pembangunan ini, Kerajaan berazam untuk mengikis kemiskinan itu, dengan mengadakan banyak peluang bagi semua rakyat, supaya tujuan kita mewujudkan negara Malaysia yang aman, makmur, bahagia dan bersatupadu itu tercapai.

~~15. Kerajaan juga telah berazam hendak menambahkan peranan kaum India dalam sektor perkhidmatan, oleh kerana di waktu yang akhir ini kedapatan tanda berkurangnya orang-orang~~

Standard¹⁵ sekalian.

15. Since independence, we have not
spared ourselves in striving to develop our
country and raise the quality and standard
of life of our people, particularly the poor.
One development plan after another have been
launched and implemented. Our achievements
during all these years amply prove that great
and significant progress can be obtained by
a free and democratic society.

o. We are now in the stage of implementing
the Third Malaysia Plan. The Plan is bold,
imaginative and positive. It is the biggest
so far ever undertaken by the Government
for ALL our people. It represents our effort
to meet the socio-economic and political
challenges of our time. It is designed
specifically to consolidate the foundations
already laid, and the achievements already
attained, to strengthen further the unity
and well-being of our people. It is packed
with an action-oriented agenda of policies,

programmes and projects to provide the
impetus for further progress towards the building
of a united, secure, socially just and
resilient nation within the time period
of the present generation.

17. The Plan provides for triple thrusts _____
a major assault on poverty, a vigorous and
continuous concentration on restructuring society
and the strengthening of our national security.

Our past achievements have gained for us an
economy whose foundations are secure. The momentum

of our country's development will be
accelerated. The challenge is to make full
use of the resources generated by such
economic development, in order to hasten
the socio-economic transformation of
our society.

18. In this transformation, we seek an
economic order in which the well-being
of Malaysians of all races, from all walks
of life, and in all regions of the country,
will be enhanced. We seek an economic

order in which all malaysians will have
the fullest opportunity to utilize their
individual talents to their benefit, and
in so doing, contribute to the national
good. Above all, we seek an economic
order within a democratic system in
which the opportunity for self-fulfilment
will be guaranteed for all who are
prepared to make the effort. The Government
will carry out its responsibilities to the full.
The response of all malaysians must prove
equal to the task. There can be no
substitute for hard work and a determination
to succeed.

Andara² sekalian,

19. Tidakkah saya mengemukakan dengan panjang lebar lagi perkara² yang saya telah sebutkan itu. Berkawan dengan Rancangan Malaysia Ketiga, butir² yang lebih lanjut dan mendalam, adalah terkandung didalam buku berkenaan. Berkawan dengan urusan serta tugas dan tanggungjawab ahli² dalam Barisan nasional, kita semua sedikit sebanyak telah mengetahuinya. Apa yang dikendalikan diipada ahli² ialah kegaman dan keteguhan mereka yang lebih kuat lagi. Keamanan negara kita, mestilah kita

utamakan daripada lain² dan segala² nya.


Ini saya tidak bergegu mendapat nya,

daripada seluruh rakyat jelata yang

kasih dan chintakan negara nya.

20. Dengan pesanan² ini, saya dengan amat-
suka hatinya meresmikan pembukaan
Perhimpunan Agung MIC ini.

Terimakasih.



PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



JUL 1978



No Siri	205
No. Penerimaan	20/78